

Dulukan tanggungjawab, bukan sibuk soal hak

TANGGAL kemerdekaan negara yang disambut setiap tahun pada 31 Ogos sangat bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia.

Ia lebih bermakna kepada saya, kerana tarikh itu juga saya dilahirkan oleh bonda tercinta dengan izin-Nya juga.

Sewaktu saya kecil, bonda pernah bercerita semasa saya dilahirkan empat dekad yang lalu, arwah abah sedang menyertai perbarisan sambutan kemerdekaan.

Arwah abah merupakan bekas anggota polis hutan yang telah kembali ke rahmatullah pada 1981.

Justeru, sebagai anak merdeka, saya bersyukur kerana setiap kali ulang tahun kelahiran, saya turut meraikan detik keramat ulang tahun kemerdekaan negara yang dicintai.

Kita telah pun menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-61. Jika Malaysia seorang manusia, usia 61 tahun adalah usia persaraan.

Namun dalam konteks negara, Malaysia adalah sebuah negara muda yang masih panjang perjalannya. Pelbagai liku dan ranjau yang perlu didepani.

Ketika rakyat Tanah Melayu menuntut kemerdekaan, apa yang difikirkan oleh mereka? Apa yang mendorong mereka berjuang dan sanggup bergadai nyawa dan harta demi sebuah kemerdekaan?

Saya pasti, semua ini bermula dengan rasa tanggungjawab. Tanggungjawab membebaskan negara daripada penjajah. Tanggungjawab membebaskan diri daripada perhambaan sesama manusia.

Maka, dengan tertunainya tanggungjawab mendapat kemerdekaan itulah, kita kemudiannya mendapat hak menjalani sebuah kehidupan yang aman dan damai. Hak untuk memperoleh kebebasan sebagai seorang insan yang bermaruah.

Dalam kehidupan, tanggungjawab selalu datang sebelum hak, bukan sebaliknya. Malah, sebagai seorang Muslim yang dilahirkan di muka bumi, kita dilahirkan dalam keadaan berhutang. Apabila kita dilahirkan ke dunia, kita diberikan nyawa dan anggota tubuh badan. Itu hutang kita kepada Pencipta. Justeru, apabila kita dilahirkan dalam keadaan berhutang, kita mempunyai tanggungjawab untuk melunaskan hutang tersebut meskipun kita tidak dapat membayar kesemuanya.

Apabila Allah menganugerahkan kita nikmat kelahiran dan kehidupan, menjadi keutamaan kita menuaikan semua tanggungjawab seba-



Menjengah
Minda

Oleh
PROF. MADYA DR.
MOHD. IZANI MOHD. ZAIN

■ Apabila Allah menganugerahkan kita nikmat kelahiran dan kehidupan, menjadi keutamaan kita menuaikan semua tanggungjawab sebagai hamba-Nya

Ini termasuk tanggungjawab kita menjadi insan yang bertakwa dengan menuaikan segala perintah dan menjauhi larangan-Nya. Apabila kita menuaikan tanggungjawab sebagai seorang insan yang taat, maka hak akan datang dengan sendirinya.

Sebagai contoh, jika seseorang itu menjadi seorang ibu dan ayah yang bertanggungjawab, maka anak mereka mendapat hak sebagai seorang anak. Hak untuk mendapat kehidupan yang sempurna, hak mendapat pendidikan dan hak mendapat kasih sayang.

Dalam konteks yang lebih besar, seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan amanah, maka rakyat secara automatiknya mendapat hak untuk memperoleh keadilan dan kesejahteraan dalam kehidupan.

Sebaliknya, pemimpin yang tidak bertanggungjawab, korup dan tidak melaksanakan amanah, maka rakyat tidak akan mendapat hak, keadilan dan pembelaan yang sewajarnya.

Sifirnya sangat mudah, tanggungjawab dulu, hak kemudian. Tulisan ini sebenarnya bukanlah menidakkannya soal hak, tetapi untuk mencapai hak, tanggungjawab perlulah ditegakkan terlebih dulu. Hakikatnya, inilah falsafah di sebalik kelahiran kita di muka bumi seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Namun, sangat malang sejak akhir-akhir ini, apabila banyak pihak

mendulukan hak, bukan tanggungjawab. Maka, tidak mustahil apabila kita mendapati perjuangan hak itu adakalanya tersasar daripada kebenaran dan hakikat insan. Lebih malang, ia mencabar tanggungjawab dan peranan sebenar kita sebagai hamba Allah yang sifatnya berhutang.

Tuntutan hak yang menjadi lambang kemegahan Barat, kini mempengaruhi masyarakat Malaysia. Tuntutan hak bukanlah satu kesalahan, tetapi ia menjadi kesalahan apabila ia menuntut kebebasan mutlak yang bercanggah dengan peraturan tuhan dan alam.

Pada kesempatan yang berharga ini, marilah kita meraikan sambutan kemerdekaan dengan penuh tanggungjawab. Janganlah kita memerlui sambutan bermakna ini dengan tuntutan hak yang tidak mendasari tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia dan lebih penting, hamba Tuhan.

Kita percaya, jika semua pihak memikirkan bagaimana untuk melunaskan tanggungjawab masing-masing terlebih dulu, maka hak akan tertegak dengan sendirinya. Bagaimana hak boleh bertegak, jika tanggungjawab gagal ditunaikan.


Tema Hari Kemerdekaan tahun ini, 'Sayangilah Malaysiaku' merupakan seruan kepada satu tanggungjawab. Kita dapat menyayangi negara Malaysia hanya dengan menuaikan tanggungjawab sebagai rakyat dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

Selamat menyambut hari kemerdekaan dengan menyayangi negara tercinta, Malaysia. Itu satu tanggungjawab kita. Al-Fatihah buat arwah abah.

PROF. MADYA DR. MOHD. IZANI MOHD. ZAIN ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia



KEHEBATAN SEKEPING FOTO



GAMBAR yang dirakam pada Rabu lalu menunjukkan bulan bersinar pada waktu malam di daerah kewangan Pudong yang bermandikan cahaya di Shanghai, China.

AFP